

10 MAR 1996

DR MAHATHIR LEPASKAN LARIAN HIJAU

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini melepaskan Larian Hijau '96 di Dataran Merdeka berhadapan bangunan Sultan Abdul Samad, di sini.

Larian Hijau anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan ditaja oleh beberapa pihak swasta termasuk media disertai lebih 4,000 orang.

Dr Mahathir melepaskan larian itu pada pukul 7.30 pagi dan ia dibahagikan kepada tujuh kategori termasuk kategori pakaian beragam.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata acara ini baik bagi menyedarkan rakyat tentang keadaan alam sekeliling khususnya tumbuhan sekeliling.

Katanya, ia juga untuk menyedarkan masyarakat supaya berhati-hati dan tidak mudah memusnahkan tumbuhan, sebaliknya mereka harus menanam lebih banyak pokok di sekeliling mereka. -- BERNAMA

ARA AKD